

PBAPP rangka pelan kontingensi air mentah hingga 2030



07/12/2021 05:27 PM

GEORGE TOWN, 7 Dis -- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah merangka Pelan Kontingensi Air Mentah 2030 (RWCP 2030) untuk mengurangkan risiko air mentah Pulau Pinang hingga 2030.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP Datuk Jaseni Maidinsa berkata hal tersebut berikutan Kerajaan Negeri Perak belum membuat keputusan mengenai penjualan air mentah kepada Pulau Pinang, seperti yang dicadangkan di bawah Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS).

“Sekiranya RWCP 2030 dilaksanakan seperti dirancang, tambahan jumlah potensi hasil ialah sebanyak 569 juta liter sehari (JLH) dan ketersediaan isipadu air tambahan ini dapat memastikan rakyat Pulau Pinang terus menikmati perkhidmatan bekalan air baik hingga 2030,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata hasil daripada pelaksanaan pelan tersebut, Pulau Pinang akan mengoptimumkan Sungai Muda sebagai sumber air mentah utama seterusnya meneroka dua sumber air mentah baharu iaitu Empangan Mengkuang dan Sungai Perai.

“RWCP 2030 adalah sebahagian daripada Inisiatif Bekalan Air Pulau Pinang 2050 (PWSI 2050) yang mencadangkan pelaksanaan lima projek air utama antaranya Fasa 2 Naik taraf Tangki Pemendapan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua; Pakej 12A, LRA Sungai Dua: Tambahan modul rawatan air baharu; Fasa 1 LRA Empangan Mengkuang; Fasa 1 LRA Sungai Muda; dan Skim Bekalan Air Sungai Perai Baharu: Proses prarawatan dengan jumlah jangkaan hasil 569 JLH,” katanya.

Jaseni menambah, objektif utama RWCP 2030 adalah untuk Pulau Pinang ‘menunggu’ hingga pelaksanaan SPRWTS kerana dianggap sebagai penyelesaian air mentah yang rasional dengan kos efektif.

“SPRWTS boleh membantu untuk memastikan keperluan air mentah Perak dan Pulau Pinang dipenuhi hingga 2050. Oleh itu, ia adalah satu penyelesaian air mentah jangka panjang untuk manfaat di kedua-dua buah negeri itu,” katanya.